

MOTIVASI & KEMAHIRAN PENYELIAAN YANG BERKESAN

PENGENALAN

Peralihan yang sempurna dari jawatan pekerja bawahan ke jawatan penyelia adalah penting untuk semua organisasi dan ia amat mencabarkan untuk pekerja itu sendiri. Keadaan masakini telah berubah. Tugas penyeliaan masakini tidaklah seperti dahulu. Perubahan-perubahan masakini seperti daya-saing globalisasi yang semakin sengit, teknologi baru pengeluaran, perkembangan teknologi maklumat seperti Internet yang tersebar luas, pekerja-pekerja bawahan yang semakin berpengetahuan menyebabkan tugas seorang penyelia menjadi lebih rumit dan penuh dengan cabaran. Untuk berjaya, Penyelia memerlukan kemahiran penyeliaan moden untuk memikul beban tanggungjawab tugas masakini ini.

Program latihan ini dikhaskan untuk menolong penyelia-penyelia yang sudah berpengalaman dan penyelia-penyelia yang baru dinaiki pangkat untuk mendapat kemahiran-kemahiran yang sangat diperlukan supaya mereka dapat mencapai matlamat organisasi dengan lebih berjaya dan yakin.

OBJEKTIF KURSUS :

Selepas menghadiri kursus ini, peserta akan dapat...

- Menghuraikan kepentingan peranan penyelia yang berkesan dalam sesuatu organisasi
- Mengenalpasti cabaran-cabaran masakini yang dihadapi penyelia
- Menggunakan kemahiran-kemahiran Personal yang berkesan seperti:
 - Berproaktif dan berpemikiran positif
 - Merancang dan menetapkan matlamat
- Berlatih menggunakan kemahiran-kemahiran Interpersonal yang berkesan seperti:
 - Mendeposit dalam Akaun Bank Emosi
 - Teknik mendengar secara aktif, teknik menyampaikan maklumat dengan jelas
 - Kemahiran mencapai kefahaman dalam komunikasi
- Melatih dan menggunakan teknik prinsip-prinsip asas kepimpinan yang berkesan
- Mengenalpasti kepentingan dinamik kumpulan dan memupuk semangat kerjasama berkumpulan untuk menjayakan matlamat organisasi.

METODOLOGI KURSUS :

Untuk menambahbaik pembelajaran peserta, kaedah-kaedah pengajaran seperti berikut akan digunakan:

- Kuliah & Perbincangan dalam kumpulan kecil
- Latihan individu & kumpulan
- Video & Kes-Kes Belajar

KANDUNGAN KURSUS:

1. Pengenalan:
 - Peranan dan tanggungjawab seseorang penyelia
 - Cabaran masakini yang dihadapi penyelia.
 - Kepimpinan lawan Keketuaan
 - Penyelia sebagai Pemimpin

2. Kemahiran Personal yang utama:
 - Bersikap Proaktif untuk memperbaiki situasi
 - Teknik 'Visualisasi Mental' untuk menetap matlamat
 - Berpemikiran positif dalam menyelesaikan masalah

3. Motivasi:
 - Memahami motivasi: apakah yang menyebabkan pekerja bawahan mahu bekerjasama dengan penyelia?
 - Motivasi sendiri: bagaimana saya boleh memotivasikan diri sendiri
 - Motivasi di tempat kerja

4. Kemahiran Interpersonal yang utama:
 - Teknik mendapat kerjasama dari pekerja (Mendeposit Akaun Bank Emosi)
 - Asas-Asas komunikasi yang berkesan
 - Kemahiran mencapai kefahaman dalam komunikasi
 - Teknik mendengar secara aktif, menyampaikan maklumat dengan jelas.

5. Prinsip-prinsip Asas Kepimpinan:
 - Fokus kepada isu-isu, tingkah-laku yang boleh diperhatikan
 - Jaga esteem-kendiri dan keyakinan-kendiri
 - Memupuk hubungan baik antara pekerja
 - Memperbaiki situasi dengan cara 'Kepimpinan melalui teladan'.

6. Kes-kes Belajar dan Latihan

KURSUS INI SESUAI UNTUK:

Kursus ini sesuai untuk semua pekerja yang tugas seharian mereka melibatkan penyeliaan pekerja bawahan untuk menjayakan matlamat organisasi:

- Section Heads, Senior Engineer, Executives
- Penyelia-Penyelia (baik untuk mereka yang sudah lama berpengalaman atau yang baru dilantik)
- Kursus ini juga sesuai untuk Line Leader yang mahu bersedia diri menjadi bakal penyelia

MAKLUMAT LAIN BERKENAAN DENGAN KURSUS INI

Kursus ini akan mengambil selama: 2 hari

Masa : 9.00pagi – 5.00 petang

Tempat : Program In-house

RESUME PENGAJAR :

Nelson Kok merupakan seorang graduan dari Universiti Sains Malaysia, yang berkecualan **Sarjana dalam Pentabiran Perniagaan (MBA) dan juga Sarjana Muda Sains (B.Sc (Hons) Geophysics)**. Dia merupakan seorang Jurulatih Bertauliah sejak tahun 1993 dan disijilkan Personality I.D® Consultant. Nelson mempunyai lebih daripada **28 tahun pengalaman** bekerja dengan syarikat-syarikat multinasional dan tempatan. Bidang pengkhususannya ialah dalam Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia. Dari segi karier, dia pernah memegang jawatan-jawatan seperti General Manager, Human Resources Manager, Training Manager, TQM Manager dan juga Production Manager.

Nelson sekarang bekerja sebagai seorang Jurulatih Korporat & Konsultan yang bertauliah kepada banyak syarikat-syarikat multinasional di Malaysia, Singapura, Indonesia, Myanmar, U.A.E dan Sudan. Dari pengalaman luasnya, dia sudah melatih lebih dari 11,500 peserta, dan telah banyak mengendalikan program-program latihan khas untuk syarikat-syarikat multinasional seperti *BMW, SHELL, PETRONAS, SUDAPET(Khartoum),MTN (Khartoum), ZAIN (Khartoum), Petro-Energy E&P (Khartoum), White Nile Petroleum Operating Co., DAL Motors, KENANA Sugar Co.(Khartoum), Federal Electricity & Water Authority (FEWA) Dubai, Bahrain Electricity & Water Authority (BEWA) Bahrain, OMIFCO (Oman), CRISTAL (Jeddah) Groz-Beckert (Indonesia), Global Edutech Management (Suzhou) Co, Motorola, ALTERA, DELL, AMD, Western Digital, Seagate, Infineon, Agilent, Osram, Jabil, Plexus, Siltera, SONY, PANASONIC, Sumitomo, Toray, ING Insurance Malaysia, Lafarge Malayan Cement Bhd, Securities Commission Malaysia, Telekom Malaysia, Malaysia Communications and Multimedia Corporation(MCMC), JKR, VADS, dll.* Beliau juga pernah bekerja sebagai pensyarah/penceramah, mewakili beberapa buah institusi pengajian tinggi seperti Open University Malaysia (OUM), Society of Business Practitioners, UK (SBP), and International Centre for Quality, Sudan.

Dari segi pengalaman, beliau sendiri pernah dilatih di negara-negara Jepun, Singapura, Malaysia, dan Thailand. Sekarang, Nelson merupakan seorang Jurulatih Konsultan yang bertauliah untuk melatih pelbagai program-program latihan khas seperti *'7 Habits of Highly Effective People, Personality @ID, Kepner-Tregoe Problem Solving & Decision Making, Zenger-Miller Frontline Leadership Program, Performance Management System (PMS), Managerial Decisions & Business Modeling, Managerial Statistics, Train-The-Trainer, Total Quality Management (TQM), Statistical Process Control (SPC), Quality Control Circles (QCC) Facilitator, 7QC Tools, Total Productive Management, MRPII, ERP, Team Building Program, dan banyak lagi.* Beliau juga berpengalaman menerajui usaha mendapat persijilan ISO 9002 & memenangi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kualiti (QMEA) untuk syarikat-syarikat yang beliau pernah bekerja. Bidang pengkhususan Nelson ialah untuk menolong organisasi meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi IT terbaru, teknik Pengurusan yang berkesan serta alat-alat Kualiti yang sudah terbukti berhasil.